



KETUA PENGARAH

(Director General)

JABATAN PEMBANGUNAN WANITA

(Department Of Women Development)

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA & MASYARAKAT

(Ministry Of Women, Family And Community Development)

Tingkat 26, Menara Tun Ismail Mohamed Ali

Jalan Raja Laut

50582 Kuala Lumpur

MALAYSIA

Tel : 603-2616 5690

Fax : 603-2698 7139

Rujukan kami

: JPW-03/20/1-6

Tarikh

: 24 Februari 2009

Y. Bhg. Dr. Alif Aiman Abdullah (PhD)
Korean Martial Arts South East Asia-Pacific
No 7-3-4 Menara Hartamas
Jalan Sri Hartamas 3
50480 Kuala Lumpur

**SOKONGAN BAGI MENJALANKAN PROGRAM DAN BENGKEL BERKAITAN
KESEDARAN KESELAMATAN BAGI WANITA**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara diatas. Surat Y. Bhg. Dr bertarikh 3hb Februari 2009 adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan setelah meneliti surat Y. Bhg. Dr dan melihat kepada modul yang disediakan, pihak Jabatan Pembangunan Wanita **bersetuju dan menyokong** usaha Y. Bhg. Dr dalam memberikan kesedaran kepada pelajar-pelajar Universiti terutamanya wanita tentang keselamatan dan kepentingan mempertahankan diri.

3. Untuk makluman pihak Y. Bhg. Dr, Jabatan Pembangunan Wanita adalah merupakan salah satu agensi dibawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang berfungsi melaksanakan program-program memperkasakan wanita. Objektif Jabatan adalah untuk meningkatkan keupayaan wanita untuk lebih menyumbang kepada pembangunan negara melalui penyediaan perkhidmatan sokongan dan program-program membina kapasiti yang cekap dan berkesan.

4. Sehubungan dengan itu, Jabatan amat berbesar hati dengan inisiatif yang pihak Y. Bhg. Dr tunjukkan dalam usaha untuk memperkasakan wanita. Pihak Jabatan berharap dengan sokongan yang diberikan ini pihak Y. Bhg. Dr akan mampu mencapai matlamat program seperti yang direncanakan dan menjayakan bengkel ini dengan berkesan.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menurut perintah,

(DATO' DR. NOORULAINUR MOHD. NUR)